

KES TRIBUNAL KOPERASI T- 213-2010

Dalam Mahkamah Tribunal Koperasi, Kuala Lumpur

Antara

Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)

Pemohon

Dan

Venketesan @ Yangkudasamy a/l Ramoorthi

Responden 1

Ramjahentherau a/l Venketesan

Responden 2

ALASAN AWARD

Latar Belakang

1. Mengikut Borang A yang difailkan oleh Pemohon, relief yang dipohon oleh Pemohon dalam kes ini adalah baki hutang pinjaman yang telah diberikan kepada kedua-dua Responden sebanyak RM8,509.92 setakat 30 September 2009 dan faedah pada kadar 8% setahun pada kiraan rehatan bulanan di atas RM8,509.92 bermula dari 1.10.2009 sehingga tarikh penyelesaian penuh, kos tindakan dan lain-lain kos yang terlibat dalam memberi dan menuntut baki pinjaman ini daripada kedua-dua

Responden. Tuntutan Pemohon adalah berdasarkan kepada satu Perjanjian Pinjaman yang ditandatangani oleh Pemohon dan kedua-dua Responden pada 28.8.1996 (Perjanjian tersebut).

2. Dalam Perjanjian tersebut, Pemohon telah bersetuju meminjamkan jumlah sebanyak RM20,000.00 kepada Responden Pertama dan Responden Kedua secara berse sama dan kedua-dua Responden telah bersetuju membayar balik pinjaman tersebut secara bersama atau berasingan. Tujuan pinjaman di bawah Perjanjian tersebut adalah untuk membolehkan Anggota Kojadi iaitu Responden 1 membiayai pelajaran anaknya iaitu Responden 2 dalam suatu kursus yang dibenarkan oleh Pemohon. Mengikut Fasal 5(c) Perjanjian tersebut, faedah akan dikenakan seperti berikut:

“Interest shall be charged on the Loan from the date of its first release [with] monthly rests at the rate of eight percent (8%) per annum or such other rate(s) as may be prescribed by KOJADI from time to time in its absolute discretion (hereinafter referred to as “the Prescribed Rate” which rate shall apply as well after as before any Court Order or Judgment)”.

Oleh ini, jelas daripada peruntukan di atas bahawa kadar faedah yang ditetapkan dalam Perjanjian tersebut adalah 8% setahun tetapi Pemohon mempunyai hak untuk mengenakan faedah pada kadar yang lain juga.

3. Dalam Jawapannya bertarikh 16.7.2010, Responden Kedua telah menafikan segala pernyataan Pemohon dalam Pernyata Tuntutan Pemohon dan Responden Pertama iaitu, bapa Responden Kedua tidak menfailkan apa-apa Jawapan. Semasa pendengaran kes ini pada 5.10.2010, Responden Kedua telah mewakili dirinya sendiri dan memberitahu Tribunal ini bahawa walaupun Responden Pertama juga turut hadir, dia akan mewakili Responden Pertama juga.

Hujahan Responden

1. Responden 1 memberitahu Tribunal Koperasi ini bahawa dia mencabar kes Pemohon hanya dalam satu aspek undang-undang sahaja. Mengikutnya, dengan hujahan tersebut, Tribunal Koperasi ini boleh memutuskan bahawa tuntutan Pemohon adalah tidak sah dan tidak boleh dituntut di bawah undang-undang sedia ada. Hujahan Responden adalah bahawa pada masa pinjaman diberikan oleh Pemohon kepada kedua-dua Responden, Pemohon tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang untuk memberikan pinjaman tersebut kepada mereka kerana Akta Koperasi telah dipinda dan Pemohon telah hilang kuasanya untuk memberikan pinjaman. Justeru itu Pemohon juga tidak berhak untuk menuntut balik pinjaman tersebut.
2. Undang-undang yang dimaksudkan oleh Responden 1 adalah seksyen 30 Akta Koperasi 1948 (Akta 287). Mengikut hujahan Responden 1, seksyen 30 telah dimansuhkan oleh seksyen 95 Akta Koperasi 1993 dan oleh sebab itu Pemohon tidak lagi mempunyai kuasa untuk memberikan pinjaman kepada anggotanya di bawah Akta Koperasi 1993. Pemohon juga tidak mempunyai

kuasa untuk mengenakan faedah. Responden 1 telah merujuk kepada suatu kes Mahkamah Tinggi iaitu **TSC Education Sdn Bhd V Kolej Yayasan Pelajaran Mara & Anor [2002] 2 CLJ 581 at p594-595**, untuk mengukuhkan hujahannya. YA Hakim dalam kes **TSC Education Sdn Bhd** telah merujuk kepada suatu kes lagi, iaitu kes **Malaysia Shipyard And Engineering Sdn Bhd v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad [1985] 2 MLJ 359**, di mana dinyatakan seperti berikut:

“The then Supreme Court decided the issue by reference to the Co-operative Societies Act 1948 (Revised 1983) Act 287, and the Rules made thereunder together with the Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Special Provisions) Act 1978. The then Supreme Court, by a majority of 3-2, decided that the Respondents had no power under the Co-operative Societies Act 1948 (Revised 1983) Act 287, or the Rules made thereunder to issue a guarantee to a party who was not a member of the Co-operative and that being the case it was held that the Respondents were not liable under the guarantee. Salleh Abas LP writing a separate judgment had this to say at p. 360 of the report:

“Unlike a natural person whose position in law is that he or she can do anything unless prohibited or restricted by law, a co-operative society (of which the appellants being registered under section 7 of the Act are one) being a statutory corporation is not allowed to do anything unless authorized

by the statute under which it is incorporated. In other words, the principle of law regarding powers applicable to a co-operative society is the very reverse of that which is applicable to a natural person”.”

3. Mengikut Responden 1 lagi, apa yang dibuat oleh Pemohon juga bercanggah dengan Moneylenders Act 1951 (Act 400) dan tidak boleh dituntut balik oleh Pemohon di bawah seksyen 15 Akta 400. Berdasarkan kepada hujahan Responden 1 di atas, Responden 1 memohon agar tuntutan Pemohon ditolak.

Hujahan Pemohon

1. Mengikut peguam Pemohon, sesuatu Koperasi mempunyai kuasa di bawah seksyen 51 untuk memberikan pinjaman kepada anggotanya. Berdasarkan kepada peruntukan ini, Pemohon mempunyai kuasa untuk memberikan pinjaman kepada kedua-dua Responden.
2. Peguam Pemohon juga merujuk kepada seksyen 17 Akta Koperasi di mana diperuntukkan bahawa Koperasi dan juga anggotanya terikat dengan Undang-Undang Kecil Koperasi tersebut (UUK). Sehubungan dengan itu, peguam Pemohon berhujah bahawa Pemohon dibenarkan oleh UUK 8(a) untuk menjalankan skim pinjaman untuk memberi kemudahan pinjaman pendidikan kepada anggota-anggota dan anak-anak mereka di bawah mana Pemohon dan kedua-dua Responden telah menandatangani Perjanjian tersebut. Peguam Pemohon juga berhujah bahawa Pemohon berhak untuk

mengenakan faedah atas pinjaman yang diberikan kerana diperuntukkan di bawah KOJADI Special Education Loan Scheme Rules (KOJADI SELS RULES) di Perenggan 5.1 bahawa

“A Loan or any part thereof shall carry interest from the date of its disbursement until full settlement thereof at a rate prescribed in the Loan Agreement and in the manner provided therein and calculated on monthly rests basis or at such other rate or in such manner or on such rests basis as may be prescribed by the Board from time to time”.

3. Mengikut Fasal 5 dan 6 Perjanjian tersebut, Pemohon boleh mengenakan faedah dan berdasarkan atas peruntukan-peruntukan ini, bantahan dan hujahan Responden perlu ditolak dan relief yang dipohon oleh Pemohon dibenarkan dengan kos.

Hak Koperasi Memberi Pinjaman

1. Adalah benar bahawa terdapatnya seksyen 30 di dalam Akta Koperasi 1948 (Akta 287) yang memperuntukkan seperti berikut:

“(1) A registered society may make loans -

(a) to its members;

(b) to its employees;

(c) to its subsidiaries; or

(d) to another registered society which has obtained the

approval of the Registrar-General as prescribed by the rules. [Sub. Act A334.]”.

2. Adalah benar juga bahawa seksyen 95 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) telah memansuhkan Akta 287 dengan peruntukkan seperti berikut:

“95 (1) The following Act and Ordinances are repealed:

(a) The Co-operative Societies Act 1948 [Act 287];

3. Akan tetapi, apa yang tidak dinyatakan oleh Responden dalam hujahannya adalah bahawa seksyen 51 Akta 502 telah digubal untuk menggantikan seksyen 30 yang telah dimansuhkan. Seksyen 51 memperuntukkan seperti berikut:

“51. (1) No registered society shall grant any loan or other credit facility except to –

- (a) its members;
- (b) its employees;
- (c) its subsidiary or subsidiaries; or
- (d) another registered society,

and such loan or credit facility shall be subject to-

- (aa) the regulations and by-laws of such society; and
- (bb) in the case of its subsidiary or subsidiaries or another registered society, the approval of the Registrar General also.”

4. Akta 502 telah mula berkuatkuasa pada 22 Januari 1994 melalui pewartaan dalam P.U. (B) 37/1994. Oleh ini, pada 28.8.1996, iaitu tarikh

Perjanjian tersebut ditandatangani, Pemohon memang mempunyai kuasa yang telah diberikan oleh undang-undang kepadanya untuk memberikan pinjaman kepada kedua-dua orang Responden. Tindakan Pemohon adalah tepat dengan prinsip yang telah diputuskan dalam kes **Malaysia Shipyard And Engineering Sdn Bhd V Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad [1985] 2 MLJ 359** yang dirujuk oleh Responden kepada Tribunal Koperasi ini.

5. Hujahan Responden bahawa seksyen 51 dalam Akta 502 hanya berkuatkuasa pada 1 Januari 2008 adalah tidak betul. Ini adalah kerana apa yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008 bukannya seksyen 51 tetapi pindaan kepada seksyen 51. Pindaan kepada seksyen 51 adalah untuk membolehkan Koperasi menjalankan aktiviti pembiayaan Islam. Pindaan kepada seksyen 51 adalah melalui Akta A1297 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008. Ini bermakna mulai tarikh tersebut, Koperasi boleh menceburi diri dalam aktiviti pembiayaan Islam.

6. Setelah dipinda, seksyen 51 Akta 502 berbunyi seperti berikut:

“51. (1) No co-operative society shall grant any Islamic financing or credit facility except to its members, its employees including the chief executive officer as provided in their schemes of service, its subsidiary as provided under subsection 19(2), or another co-operative society as may be approved by the Commission, and such Islamic financing or credit facility shall be subject to the directives or guidelines

issued by the Commission and by-laws of the co-operative society.

(2) Subsection (1) shall not apply to a co-operative society that is permitted to grant any Islamic financing or credit facility given—

(a) in the course of its business as provided in any other written law governing its operations; or

(b) in accordance with its by-laws.

(3) The Commission may, by order, prohibit or restrict the lending of money on a charge or mortgage of immovable property by any co-operative society or class, category or description of co-operative society”.

7. Mengikut seksyen 2 Akta 502, makna “credit facility” dan “Islamic financing” di dalam Akta 502 mempunyai erti yang sama dengan takrif perkataan-perkataan tersebut di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi 2007 (Akta 665). Apabila diperhatikan takrif “credit facility” dan “Islamic financing” di dalam Akta 665, maka adalah lebih jelas lagi bahawa Pemohon mempunyai kuasa di bawah seksyen 51 Akta 502 untuk membuat pinjaman mengikut Perjanjian tersebut kepada Responden-Responden. Takrif “credit facility” di dalam seksyen 2 Akta 665 adalah seperti berikut:

“credit facility” means-

(a) the giving of any advance, loan, trade credit or other facility in whatever form or by whatever name called whereby the person to whom the advance, loan, trade credit or other facility is given has access, directly or indirectly, to the funds or property of the person giving the same;”

(b) – (d) - *not applicable*

8. Jawapan Responden bahawa dia tidak pasti dengan definasi “credit facility” kerana dia tidak dapat memperolehi satu salinan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 tidak dapat diterima. Ini menunjukkan bahawa Responden tidak memenuhi tanggung jawabnya untuk membuat penyelidikan mengenai hujahan yang hendak dikemukakan dengan menyeluruh. Amatlah mudah sekali bagi Responden mendapatkan satu salinan Akta tersebut melalui Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), yang berkuasa mengeluarkan teks otoritatif bagi semua Akta di Negara kita. Responden juga boleh membuat semakan ke atas laman web PNMB atau Parlimen untuk melengkapkan penyelidikannya. Jika Responden ada membuat demikian, dia tidak akan mengemukakan bantahan undang-undang ini.

9. Maka, berdasarkan kepada peruntukan di seksyen 51 Akta 502 dan takrif “credit facility” di seksyen 2 Akta 665, dan penerangan yang telah

diberikan di atas, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa Perjanjian tersebut adalah suatu perjanjian yang sah di sisi undang-undang dan mengikat kedua-dua Responden. Hujahan Responden berkenaan dengan peruntukan di bawah Moneylenders Act 1951 (Act 400) tidak terpakai dan juga ditolak oleh Tribunal Koperasi ini .

10.Kedua-dua Responden secara bersesama dan secara berasingan dengan ini diperintahkan membayar baki hutang pinjaman di bawah Perjanjian tersebut kepada Pemohon. Pemohon diawardkan dengan jumlah baki pinjaman sebanyak RM7,199.51 setakat November 2010, dan faedah pada kadar 8% setahun pada kiraan rehatan bulanan di atas RM7,199.51 sehingga tarikh penyelesaian penuh, serta kos sebanyak RM525.09 iaitu RM405 sebagai kos guaman dan RM120.09 untuk insuran .

Bertarikh pada 8 November 2010.

TAN GHEE PHAIK,

Pengerusi Tribunal Koperasi Malaysia

Saya bersetuju dengan award ini,

Puan Rosmawati binti Hasan

Anggota Panel SKM.

Saya bersetuju dengan award ini,

Tuan Khalid bin Abdul Hamid

Anggota Panel Koperasi.